

Berkuat kuasa mulai Rabu sehingga 31 Mei melibatkan empat kategori

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI
 SHAH ALAM

Pelaksanaan diskaun bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga 20 peratus berkuat kuasa mulai Rabu (1 Mac) hingga 31 Mei melibatkan empat kategori.

PTPTN dalam satu kenyataan berkata, ia melibatkan diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman dan diskaun 15 peratus bagi penyelesaian sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang.

"Kategori seterusnya ialah diskaun 15 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual bayaran balik dan terakhir ialah diskaun lima peratus untuk

bayaran balik melalui aplikasi myPTPTN.

"Semua peminjam PTPTN termasuk yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dan penerima Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) adalah layak menikmati insentif tersebut," jelas kenyataan itu pada Khamis.

Menurut kenyataan tersebut, peminjam yang ingin membuat penyelesaian penuh pinjaman atau sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang perlu membuat pengesahan baki pinjaman melalui myPTPTN, portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my atau menghubungi Eksekutif Pemasaran PTPTN sebelum membuat bayaran balik melalui saluran bayaran yang telah disediakan.

Peminjam yang sedang membuat bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus

PTPTN perinci pelaksanaan diskaun 20 peratus



Semua peminjam PTPTN termasuk yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dan penerima WPP layak menikmati insentif tersebut.

layak mendapat diskaun 15 peratus secara automatik, manakala peminjam yang ingin membuat potongan gaji boleh membuat permohonan melalui myPTPTN atau portal rasmi PTPTN.

Peminjam boleh memilih sa-

lah satu atau kedua-dua saluran untuk menikmati insentif itu. Diskaun lima peratus juga diberikan bagi bayaran balik yang dibuat melalui aplikasi myPTPTN. Sementara itu, menurut PTPTN, peminjam yang dalam tempoh membayar balik dan

mempunyai pendapatan bulanan RM1,800 (gaji kasar) ke bawah layak memohon penangguhan kecuali peminjam yang telah menyertai *Debt Management Programme (DMP)* di bawah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi pinjaman PTPTN.

"Permohonan penangguhan boleh dibuat mulai 1 Mac melalui portal rasmi PTPTN. Peminjam perlu melengkapkan maklumat diri, pekerjaan, memuat naik dokumen pendapatan bulanan terkini dan membuat perakuan kebenaran ke atas maklumat yang diberikan.

"PTPTN akan memaklumkan status kelulusan melalui e-mel yang dikemas kini semasa peminjam membuat permohonan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan diterima," menurut kenyataan itu.